

16 JUN 2002

WAJAR SAINS & MATEMATIK DIAJAR DALAM B.INGGERIS, KATA LEE

BANGI, 16 Jun (Bernama) -- Aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye hari ini mengalu-alukan langkah pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah secara serentak tahun depan.

Keputusan pelaksanaan itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam wawancara khas dengan akhbar Mingguan Malaysia hari ini.

Menurut Lee, sudah tiba masanya bagi sektor pendidikan negara mengambil langkah yang lebih drastik dalam usaha meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

Rakyat khususnya orang Melayu tidak perlu bimbang dengan langkah ini kerana ia tidak akan menjejaskan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

"Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tidak akan terjejas dalam usaha kita memperbaiki mutu bahasa Inggeris di negara kita. Sebaliknya, penguasaan bahasa itu akan membantu Malaysia menjadi lebih kompetitif," kata Lee kepada pemberita selepas menutup Kem Kecemerlangan UPSR Program Anak Angkat Setia di sini hari ini.

Kem tiga hari itu dianjurkan oleh Yayasan SP Setia, yang Lee adalah anggota Lembaga Pemegang Amanahnya, dan disertai 54 murid Tahun Enam dari beberapa sekolah rendah di sekitar Lembah Klang.

-- BERNAMA

RBZ HK RON